



JABATAN BENDAHARI

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld VIII
Tarikh : 06 .01. 2005

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2005 ✓

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PENGESAHAN BERHUBUNG BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN DAN PENGGAJIAN
UNTUK URUSAN PINJAMAN PERIBADI**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa surat pengesahan berhubung butir-butir perkhidmatan dan penggajian untuk tujuan pinjaman peribadi di Institusi Kewangan/ Bank/ Koperasi hanya akan dikeluarkan dan disahkan oleh Pegawai Unit Gaji di Jabatan Bendahari UKM Bangi dan Unit Gaji di Jabatan Kewangan HUKM untuk kakitangan HUKM.

Surat pengesahan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 hari dari tarikh permohonan samada melalui telefon atau hadir sendiri ke unit Gaji Jabatan Bendahari atau unit Gaji Jabatan Kewangan HUKM.

Jabatan ini tidak akan memberikan pengesahan sekiranya pinjaman yang dibuat diuruskan oleh mana-mana agen tertentu.

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Yang Benar,

(MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL)

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Y.Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor, UKM
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Pengarah, HUKM Cheras.